

IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Surat Pekeliling JPS. UB. 2/1996

- (i) Perlaksanaan Peraturan Baru Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
 - (ii) Format Standard Iklan Tender**
-

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan Peraturan Baru Perlaksanaan tender berikutan penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan juga untuk menggariskan format iklan tender kerja yang standard untuk digunapakai oleh Jabatan.

2.0 PERLAKSANAAN PERATURAN BARU LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

2.1 Latarbelakang

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah diwujudkan pada 1 Disember 1994 melalui Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) bertujuan untuk memaju dan menggalakkan pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan negara.

Di dalam melaksanakan fungsinya, terdapat beberapa perkara yang memerlukan penglibatan/kerjasama Agensi-agensi Pelaksana iaitu khususnya mengenai:-

- (i) Pendaftaran Kontraktor
- (ii) Penggunaan Levi
- (iii) Akreditasi Pekerja Mahir/Penyelia Tapak Bina.

Walaupun bagaimanapun perkara yang memerlukan tindakan segera ini adalah bagi perkara (i) dan (ii) iaitu pendaftaran Kontraktor dan pengenaan levi.

2.1.1 **Pendaftaran Kontraktor**

Mengikut Bahagian VI Akta berkenaan setiap seseorang yang mengakujaji untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan hendaklah berdaftar dengan CIDB dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh CIDB sebelum beliau boleh menyertai tender. Perkara ini telah dikuatkuasakan pada 20 Julai 1995 dan semua kontraktor diberi tempoh masa 12 bulan mulai tarikh tersebut untuk berdaftar dengan CIDB.

Mana-mana kontraktor yang menjalankan kerja pembinaan selepas 20 Julai 1996 tanpa berdaftar dengan CIDB adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00.

2.1.2 **Pengenaan Levi**

Bahagian VIII Akta tersebut memberi kuasa kepada CIDB untuk mengenakan dan memungut levi sebanyak 0.25% dari harga kontrak daripada Kontraktor yang menjalankan kerja kontrak yang bernilai melebihi RM500,000.00. Pungutan levi ini dikuatkuasakan bagi kontrak kerja yang bermula pada atau selepas 1 Julai 1996.

2.2 **Tindakan/Pelaksanaan**

Bagi melaksanakan peraturan baru ini, tindakan-tindakan berikut hendaklah diambil:

2.2.1 **Tender Yang Belum Dipanggil**

- (a) Di dalam kenyataan iklan tender hendaklah dinyatakan syarat iaitu kontraktor yang ingin memasuki tender, selain dari berdaftar dengan PKK hendaklah juga berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mengemukakan perakuan pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh CIDB semasa membeli tender. (Lihat contoh di Lampiran B & C).
- (b) Bagi tender yang dianggarkan melebihi RM 500,000.00, satu peruntukan mengenai pematuhan kepada peraturan CIDB hendaklah dimasukkan di dalam Arahan Kepada Pentender. Contoh peruntukan tersebut adalah seperti di Lampiran A.
- (c) Apabila Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, satu salinan hendaklah dihantar kepada CIDB. Borang CIDB L1/96 hendaklah diberikan kepada kontraktor bersama Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender (Contoh sila hubungi Bhg Ukur Bahan.)

2.2.2 **Tender Yang Sudah Dipanggil**

- (a) Bagi kontrak yang mana Surat Setujuterima telah dikeluarkan tetapi tarikh milik tapak adalah pada atau selepas 1 Julai 1996, Kontraktor hendaklah diingatkan untuk mengemukakan maklumat kontrak/kerja berkenaan dalam borang CIDB L1/96 kepada CIDB tidak lewat daripada 14 hari selepas surat setujuterima atau 14 hari sebelum kerja bermula, yang mana tarikh yang terdahulu.
- (b) Satu salinan Surat Setujutrima Tender yang dikeluarkan hendaklah dihantar kepada CIDB.

2.2.3 **Projek Yang Sedang Berjalan**

Bagi kontrak yang sedang berjalan pada 1 Julai 1996 dan bernilai melebihi RM 500,000.00, Kontraktor berkenaan hendaklah diingatkan supaya mengemukakan maklumat projek tersebut kepada CIDB dengan menggunakan borang CIDB L1/96.

3.0 **FORMAT IKLAN TENDER**

3.1 **Latarbelakang**

Buat masa ini tiada satu format iklan tender yang standard yang boleh dijadikan panduan. Setiap pejabat mempunyai cara penyampaian yang tersendiri yang mana adakalanya kurang jelas, berlaku pertindihan maklumat, ataupun berlaku keciciran maklumat-maklumat yang perlu dimasukkan.

3.2 **Format Standard**

Untuk memastikan semua iklan tender yang dikeluarkan oleh Jabatan mengikut satu format yang standard serta selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1995 dan peraturan baru CIDB, contoh-contoh iklan seperti di Lampiran B & C hendaklah digunakan.

3.3 **Tempoh Tender**

Tempoh tender tempatan hendaklah sekurang-kurangnya 21 hari. Walau bagaimanapun jika projek dianggarkan melebihi RM 1 juta yang mana penilaiannya adalah berasaskan kepada Surat Pekeliling JPS.UB.3/1994, tempoh tender hendaklah sekurang-kurangnya 30 hari. Bagi tender antarabangsa tempoh tender hendaklah sekurang-kurangnya 56 hari. Perhatian juga hendaklah diambil iaitu tempoh di antara tarikh lawatan tapak dengan tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya dua minggu.

4.0 **PENGUATKUASAAN**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

(IR. NEO TONG LEE)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Ogos 1996

Bil. Fail : ()dlm.PPS.10/4/2 CUB Jld. 2

**CONTOH PERUNTUKAN YANG PERLU DIMASUKKAN
KE DALAM ARAHAN KEPADA PENTENDER**


LAW, REGULATION AND REQUIREMENTS

The contractor shall comply to Part VIII of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994 and the Construction Industry (Levy Collection) Regulations 1996, and shall submit a notification on Form CIDB L1/96 of the Lembaga not later than 14 days after the issuance of the Letter of Acceptance/ Letter of Award/or any document the constitutes acceptance of a contract of works, or not less than 14 days before the commencement of the works, whichever date is earlier.

UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN KEPERLUAN

Kontraktor hendaklah mematuhi Bahagian VIII Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dan Peraturan Industri Pembinaan (Pungutan Levi) 1996 dan hendaklah mengemukakan satu pemberitahuan atas borang CIDB L1/96 kepada Lembaga tidak lewat dari 14 hari setelah pengeluaran Surat Setujuterima/Surat Award atau apa-apa dokumen yang ditakrif sebagai penerimaan kontrak kerja, atau tidak kurang dari 14 hari sebelum bermulanya kerja, yang mana tarikh yang terdahulu.

CONTOH I - IKLAN TENDER BAGI KERJA TIDAK MELEBIHI RM 10 JUTA



***KENYATAAN TENDER
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA***

TAWARAN TERBUKA/KHAS UNTUK BUMIPUTERA)*

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

.....
.....
.....
.....

(Isikan nama projek dengan huruf besar)

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan:

- i) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas di bawah Kepala
....., Sub-kepala
- ii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

3. Segala butir dan dokumen tender boleh didapati semasa waktu pejabat di

.....
.....
..... mulai dari

* *Pilih yang berkenaan*

4. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang ditauliahkan atau yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor. Wakil Kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran ASAL yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan surat ASAL Pengiktirafan Taraf Bumiputera, jika ada serta Perakuan Pendaftaran ASAL yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
5. Pentender yang ingin memasuki tender di atas adalah dikehendaki mengeluarkan wang pos/wang kiriman pos/draf bank berharga RM yang dibuat atas nama sebagai bayaran dokumen tender.
- **6.** Lawatan ke tapak pembinaan akan diadakan pada jam Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menyertai lawatan ini dikehendaki berada di pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
7. Tender ini akan ditutup pada Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.


****** *Sekiranya lawatan tapak diwajibkan sila gantikan dengan kenyataan berikut:*

Lawatan ke tapak pembinaan adalah DIWAJIBKAN dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan membeli dan mengemukakan dokumen tender. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada jam di

.....

.....

CONTOH I - IKLAN TENDER BAGI KERJA MELEBIHI RM 10 JUTA



***KENYATAAN TENDER
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
TAWARAN TERBUKA/KHAS UNTUK BUMIPUTERA)****

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

.....
.....
.....
.....

(Isikan nama projek dengan huruf besar)

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan:
- i) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas di bawah Kepala, Sub-kepala
 - ii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

3. Segala butir dan dokumen tender boleh didapati semasa waktu pejabat di

.....
.....
..... mulai dari

* *Pilih yang berkenaan*

(i)

4. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang ditauliahkan atau yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor. Wakil Kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran ASAL yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan surat ASAL Pengiktirafan Taraf Bumiputera, jika ada serta Perakuan Pendaftaran ASAL yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
5. Pentender yang ingin memasuki tender di atas adalah dikehendaki mengeluarkan wang pos/wang kiriman pos/draf bank berharga RM yang dibuat atas nama sebagai bayaran dokumen tender.
- **6. Lawatan ke tapak pembinaan akan diadakan pada jam Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menyertai lawatan ini dikehendaki berada di pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
7. Tender ini akan ditutup pada Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.

** *Sekiranya lawatan tapak diwajibkan sila gantikan dengan kenyataan berikut:*

Lawatan ke tapak pembinaan adalah DIWAJIBKAN dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan membeli dan mengemukakan dokumen tender. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada jam di

.....

.....